

Sempena perasmian Gabem Wilayah Selatan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini

Perubahan minda elak ketirisan ekonomi Melayu

B.H

01/12/06

M/S 15

SELEPAS penubuhan Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) peringkat negeri diadakan di Selangor dan disusuli Zon Utara iaitu Pulau Pinang dan Kedah serta Perak, baru-baru ini, kini pergerakannya diperluaskan ke setiap negeri di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Bagi episod terbaru, peristiwa bersejarah perjuangan ekonomi bangsa Melayu akan menjadi kenyataan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan serentak empat Gapem negeri, iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan, di Ayer Keroh, Melaka, hari ini.

“Dengan penubuhan Gabem pada peringkat negeri akan memantapkan bidang kerja dan pemantauan badan itu terhadap isu ketirisan yang menjadi matlamat utama,” kata Pengerusinya, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Beliau berkata, laporan 2005 mengenai pemegangan ekuiti Melayu yang menjunam daripada 22 peratus kepada 18 peratus amat memberi kesan serta perlu diberi perhatian khas. Umno, misalnya mengenal pasti masalah utama iaitu ketirisan dan Gabem diharapkan dapat membantu membanteras ketirisan itu.

Oleh itu, penubuhan Gabem negeri akan dapat merealisasikan hasrat berkenaan dengan masing-masing perlu bersama berjuang dengan Gabem Pusat untuk membanteras gejala berkenaan yang lebih menyeluruh sehingga ke peringkat akar umbi termasuk di daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Tugas utama Gabem pula diperkukuhkan dengan strategi dan pendekatan tertentu, termasuk menerusi pendekatan personaliti dan perubahan minda Melayu untuk menggerakkan jihad ekonomi.

Pendekatan pendidikan turut menjadi teras Gabem yang mana melihat sistem pendidikan di Malaysia bukan saja akan melahirkan warga negara yang ada personaliti, berilmu dan berkemahiran, tetapi juga untuk melahirkan insan yang sarat dengan ilmu keusahawanan dan patriotik dan sekali gus boleh menyumbang kepada ekonomi, bangsa serta agama.

Dari segi pendekatan organisasi, Gabem mewujudkan pemuafakatan di kalangan badan ekonomi. Ini termasuk mewujudkan jalinan kerjasama dengan badan ekonomi Melayu seperti Dewan Perniagaan Melayu

(DPMM), persatuan korporat, usahawan, koperasi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kesepakatan ini membolehkan orang Melayu saling bekerjasama sebagai satu pasukan bagi menggerakkan ekonomi.

Mereka perlu mempunyai rangkaian pertubuhan yang kuat. Bukan seperti perumpamaan Melayu, “enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing”.

“Saya sendiri amat sedih dengan kedudukan badan ekonomi Melayu yang tidak banyak menampakkan kejayaan dari segi kepimpinan. Usaha membantu ahli yang dipimpin amat perlu supaya mereka mampu mencapai kejayaan cemerlang.

“Oleh itu, saya amat berharap supaya pemuafakatan itu harus diperkukuhkan dengan wujudnya Gabem. Setakat ini, Gabem mempunyai kira-kira 97 ahli badan ekonomi Melayu menjadi anggota pemuafakatan,” katanya.

Pada masa sama, daripada anggota berkenaan, pihaknya akan memilih pemimpin mereka untuk menjadi pemimpin profesional, dinamik dan patriotik.

Beliau berkata, Gabem turut mempunyai badan latihan dikenali Akademi Kecemerlangan Gabem (GabeK) yang akan memberi kursus kepada pemimpin ekonomi dan operator ekonomi Melayu supaya menjadi pemimpin lebih bertanggungjawab berkebolehan, komited, telus dan dedikasi untuk membantu organisasi ke tahap diharapkan.

Gabem menggunakan pendekatan organisasi yang memberi tumpuan memantau kemajuan Melayu dalam sektor ekonomi mengikut kelompok. Gabem sudah mengenal pasti 15 kelompok ekonomi yang boleh diceburi termasuk pembinaan, pengangkutan, pengilangan, kesihatan dan farmaseutikal minyak dan gas serta pelancongan.

“Kita mahu melihat orang Melayu benar-benar memasuki setiap kelompok perniagaan berkenaan. Kita dapati masih ada kelompok orang Melayu kurang. Oleh itu, kita mahu memperkukuhkan setiap kelompok yang orang Melayu masih kurang dan lemah,” katanya.

Beliau juga memberitahu Gabem kini sedang menjalankan kajian dari segi peratusan pembabitian orang Melayu dalam setiap kelompok perniagaan bagi menangani masalah ketirisan.

Rahim berkata, di bawah Gabem, pihaknya juga mempunyai program khas dalam usaha membanteras ketirisan dengan me-

ngenal pasti syarikat Bumiputera yang tulen, berdaya saing dan maju untuk disenaraikan dalam Bursa Malaysia menerusi Skim Jejak Jaya Bumiputera.

Serentak itu, bagi memastikan pegangan ekuiti berada di puncak, pihaknya berhasrat mengadakan kempen besar-besaran di mana setiap keluarga Melayu menubuhkan satu syarikat holdings, syarikat sendirian berhad atau berbentuk perkongsian supaya harta mereka dapat diurus dan dikembangkan menjadi saham.

“Apa yang dilihat sekarang, sebilangan ibu bapa mempunyai harta tetapi masing-masing tidak ada penyatuan dari segi pemegangan aset itu dan apabila ayah atau ibu meninggal dunia, harta itu akan berpecah menjadi kecil,” katanya.

Justeru, matlamat mewujudkan budaya berniaga di kalangan masyarakat Melayu dapat diserapkan. Situasi itu dapat dilihat pada masyarakat Cina yang mempunyai syarikat persendirian dan sejak dari usia kanak-kanak sudah didedahkan kepada budaya berniaga.

Mengulas mengenai kepimpinan Gabem, Rahim berkata:

“Kita bernasib baik kerana keahlian dalam Gabem negeri terdiri daripada tokoh hebat yang boleh membuat keputusan. Misalnya pengerusi Gabem adalah Ketua Menteri atau Menteri Besar dan penasihatnya Setiausaha Kerajaan Negeri serta ahlinya kalangan orang politik yang ada kuasa mengenai perancangan ekonomi, pegawai kerajaan, pakar ekonomi, NGO serta masyarakat keusahawanan. Yang duduk di dalam Gabem ini adalah mereka mempunyai kuasa untuk memastikan tidak berlaku ketirisan dan pada masa sama prestasi orang Melayu dapat ditingkatkan.”

Menteri Besar, Ketua Menteri dan Setiausaha Kerajaan Negeri hendaklah memastikan keputusan Gabem dalam usaha untuk menguatkan kejayaan orang Melayu dan membanteras ketirisan dilaksanakan secara berkesan pada semua peringkat di negeri masing-masing.

Bagi negeri yang terbabit dalam projek wilayah koridor pembangunan di Utara, Timur dan Selatan, Gabem mempunyai tanggungjawab bertambah untuk memastikan gagasan pembangunan ekonomi secara raksasa di wilayah itu benar-benar tidak merugikan orang Melayu dan menyebabkan hak ekonomi Melayu terjejas atau terpinggir berikutan pembangunan pesat pembangunan negara.



“ Kita mahu melihat orang Melayu benar-benar memasuki setiap kelompok perniagaan berkenaan. Kita dapati masih ada kelompok orang Melayu kurang. Oleh itu, kita mahu memperkukuhkan setiap kelompok yang orang Melayu masih kurang dan lemah”